



PEKELILING

KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN

18/1974

Bayaran Ukur Untuk Membaharui Pajakan Lombong

Surat Pekeling ini ialah untuk menasihatkan Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai bayaran ukur setelah diluluskan pembaharuan sesuatu pajakan lombong menurut peruntukan seksyen 24(ii)(b) Mining Enactment F.M.S. Cap. 147 iaitupembaharuan dengan cara mengeluarkan kepada pemohon satu pajakan lombong yang baru.

2. Menurut seksyen 24(ii) kelulusan permintaan membaharui sesuatu pajakan lombong bolehlah dibuat dengan cara memanangkan tempoh pajakan tersebut ataupun dengan mengeluarkan satu pajakan lombong yang baru mengenai tanah itu. Semanjak tahun 1950 nasihat Peguam yang diikuti ialah sesuatu pajakan lombong baru yang dikeluarkan menurut seksyen 24(ii)(b) adalah sebenarnya satu pembaharuan kepada pajakan yang akan luput itu dan dengan demikian tindakan mengukur semula tanah itu tidak diperlukan selain daripada mengganti batu-batu sempadan yang telah hilang. Adalah jelas juga iaitu seorang pemajak dalam keadaan yang tersebut adalah masih tertakluk kepada peruntukan seksyen 16(ii) yang memaksanya menjaga semua batu sempadan bagi tanah itu. Pemungut Hasil Tanah adalah berkuasa menurut seksyen 405(2) Kanun Tanah Negara untuk menentukan supaya batu sempadan yang hilang itu digantikan.

3. Apabila sesuatu permintaan untuk memperbaharui pajakan lombong diluluskan dengan cara mengeluarkan satu pajakan lombong yang baru Pemungut Hasil Tanah mahulah memberitahu pemohon itu segala syarat-syarat kelulusan itu. Syarat-syarat kelulusan tersebut termasuklah kehendak supaya

pemohon itu membayar wang pertaruhan (deposit) untuk membiayai belanja menganti semua batu-batu sempadan yang mustahak (essential boundaries) bagi tanah dalam pajakan yang luput itu. ‘Essential boundaries’ ialah batu sempadan yang menentukan kedudukan sempadan tanah lombong yang akan luput itu dengan tanah-tanah yang lain dan juga dengan tanah Kerajaan.

4. Pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan iaitu keputusan mengeluarkan satu pajakan lombong baru menurut seksyen 24(ii)(b) Undang-undang Lombong ‘Cap. 147’ bukanlah satu kes pemberian p-ajak tanah lombong ‘approval of lease’ dan dengan demikian pengukuran semula bagi tanah itu tidaklah diperlukan dan bayaranbayaran hanyalah dikenakan untuk belanja menggantikan batu-batu sempadan yang mustahak (essential boundaries marks) sahaja.
5. Surat-surat Pekeliling Bil. 14/50 dan 19/51 adalah dibatalkan.

DATO’ ABDUL MANAF BIN MOHD NOR,

Ketua Pengarah Tanah dan Galian

Persekutuan

P.T.TM 108/70

Kuala Lumpur,

Ogos, 1974